




STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN PERTAMA 2025

“ Pada Mac 2025, median upah bulanan bagi pekerja formal Malaysia mencecah **RM3,000**, iaitu **5.5 peratus** lebih tinggi berbanding Mac 2024 (RM2,844). ”

SIRI MASA: MEDIAN UPAH BULANAN



MEDIAN UPAH BULANAN PEKERJA FORMAL WARGANEGARA MENGIKUT DIMENSI

MENGIKUT JANTINA




MENGIKUT AKTIVITI EKONOMI



Sektor **Perombongan & pengkuarian** mencatatkan median upah bulanan tertinggi (**RM8,800**), diikuti oleh sektor **Pembinaan**, **Perkhidmatan**, **Pembuatan** dan **Pertanian**.


MENGIKUT ETNIK




Pekerja formal etnik Cina mencatatkan median upah bulanan sebanyak RM4,482, India (RM2,900), Bumiputera (RM2,545) pada Mac 2025.

MENGIKUT KUMPULAN UMUR


Pekerja formal berumur **45 hingga 49 tahun** menerima median upah bulanan tertinggi iaitu **RM4,000** pada Mac 2025.



TABURAN MENGIKUT SKALA UPAH



MENGIKUT NEGERI



W.P. Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi (**RM4,445**) diikuti oleh Selangor dan Pulau Pinang.

SKOP & LIPUTAN

Statistik ini bersumberkan data pentadbiran meliputi data caruman wajib simpanan pekerja sektor swasta dan pekerja tidak berpuan sektor awam serta data caruman insurans keselamatan sosial pekerja yang diperolehi daripada pelbagai agensi. Data ini hanya meliputi pekerja formal warganegara, tidak meliputi orang yang bekerja di bawah pekerjaan bukan standard, termasuk pekerja akaun sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji.

KONSEP & DEFINISI

Upah meliputi semua ganjaran kepada pekerja dalam bentuk wang termasuk bonus, komisen dan elaun dalam tempoh rujukan.

Median merujuk kepada nilai yang terletak di tengah-tengah susunan suatu set nombor yang disusun mengikut tertib. Median upah digunakan untuk memberi gambaran "purata upah" yang lebih tepat kerana tidak terkesan kepada nilai ekstrem.



Median upah bulanan sektor formal meningkat kepada RM3,000 pada Mac 2025

- Median upah bulanan adalah RM3,000 bagi 6.8 juta orang pekerja sektor formal pada Mac 2025. Angka ini adalah 5.5 peratus lebih tinggi daripada RM2,844 yang dicatatkan tahun sebelumnya, dengan jumlah guna tenaga formal masing-masing meningkat sebanyak 3.1 peratus, 3.4 peratus dan 3.6 peratus pada bulan Januari, Februari dan Mac.
- Peningkatan median upah bulanan menandakan landskap pasaran buruh yang lebih menggalakkan, disokong oleh dasar terkini seperti semakan ke atas kadar gaji minimum yang telah dilaksanakan, serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan pada suku tahun pertama 2025.
- Bilangan pekerja formal lelaki Malaysia mencapai 3.7 juta orang pada Mac 2025, menyumbang 55.1 peratus daripada jumlah guna tenaga formal dengan median upah bulanan RM3,000. Sebagai perbandingan, pekerja formal perempuan terdiri daripada 44.9 peratus atau 3.04 juta orang, memperoleh median upah bulanan sebanyak RM2,982. Berbanding Mac tahun lepas, median upah bulanan pekerja formal lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus dan 6.5 peratus.
- Semua kumpulan umur mencatatkan kenaikan upah dengan peningkatan paling ketara dalam kalangan pekerja di bawah umur 20 tahun, median upah bulanan meningkat sebanyak 13.3 peratus kepada RM1,700 pada Mac 2025. Bilangan pekerja formal juga meningkat merentasi semua kumpulan umur, kecuali kumpulan umur 20-24 tahun.
- Sektor Perlombongan & pengkuarian mengekalkan median upah bulanan tertinggi pada RM8,800 pada Mac 2025, walaupun meliputi 0.6 peratus daripada jumlah guna tenaga formal, menunjukkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.8 peratus. Sebaliknya, sektor Pertanian yang menyumbang 1.9 peratus daripada pekerja formal mencatatkan median upah bulanan terendah iaitu RM2,200.
- Dari segi geografi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendahului kedudukan median upah bulanan pada RM4,445, diikuti oleh Selangor pada RM3,300. Sementara itu, Sabah (RM2,000), Kelantan (RM1,800) dan Perlis (RM1,800) mencatatkan median upah bulanan terendah.
- Melihat kepada taburan upah, 27.4 peratus pekerja formal warganegara menerima upah bulanan di bawah RM2,000 pada Mac 2025, menunjukkan penurunan sebanyak 3.8 mata peratus daripada 31.2 peratus yang direkodkan pada Mac 2024. Selain itu, analisis persentil menunjukkan pekerja formal warganegara pada persentil ke-10 menerima upah bulanan sebanyak RM1,700 atau kurang setiap bulan. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mencatatkan peningkatan upah bulanan sebanyak 13.3 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (Mac 2024:RM1,500). Sementara itu, pekerja dalam persentil ke-90 memperoleh sekurang-kurangnya RM11,000 sebulan, menunjukkan peningkatan 4.8 peratus daripada Mac 2024.

